


KUMPULAN PERLADANGAN

BAHAGIAN KELESTARIAN



PENGENALAN

Tahun 2024 mencatatkan pelbagai perkembangan positif dalam agenda kelestarian FELCRA Berhad melalui pelaksanaan pensijilan MSPO 2.0, latihan pematuan perundangan serta pelaporan ESG. Bahagian Kelestarian telah memainkan peranan utama dalam memastikan operasi ladang dan kilang FELCRA memenuhi standard kelestarian dan keperluan pasaran antarabangsa.

VISI

Merealisasikan pembangunan mampan dengan matlamat mencapai kesejahteraan sosial, persekitaran lestari dan kelangsungan ekonomi secara berterusan.

MISI

- Memperkasakan konsep pembangunan mampan di semua pusat operasi.
- Menjadi simbol taraf kesejahteraan pekerja dan kebolehpercayaan pihak berkepentingan.

OBJEKTIF BAHAGIAN

MSPO 2.0

- Latihan intensif dan penilaian pematuan skor MSPO.
- Elemen MSPO diterapkan dalam ladang baharu dan tanam semula.

Pemantapan Pematuan Undang-undang

- Ke arah "Zero Non-Compliance".
- Pemantapan institusi KKP & staf kompeten.

Program Pendidikan dan Kesedaran

- Kempen keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.
- Latihan Grievance Mechanism & Ethical Recruitment.

Sebagai sebahagian daripada komitmen FELCRA Berhad terhadap pembangunan mampan, beberapa inisiatif strategik telah dirancang untuk tahun 2025 bagi memperkukuh pematuan terhadap standard kelestarian tempatan dan antarabangsa. Pelan ini memberi penekanan terhadap tiga aspek utama iaitu pensijilan MSPO 2.0, pematuan perundangan, serta pelaksanaan dasar EUDR dan NDPE.



PENSIJILAN MSPO 2.0

FELCRA komited untuk mengekalkan dan meningkatkan pematuhan terhadap piawaian Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO 2.0) melalui pendekatan berikut:

- **Latihan dan Program Kesedaran:** Pelaksanaan secara menyeluruh di peringkat ladang dan kilang bagi memastikan semua pihak memahami keperluan MSPO 2.0.
- **Penerapan Awal Elemen MSPO:** Semua pembukaan ladang baharu dan aktiviti tanam semula akan merangkumi komponen MSPO dari peringkat awal perancangan.
- **Pemantauan Berasaskan Skor Pematuhan:** Pembangunan sistem penarafan dalaman untuk menilai tahap pematuhan kawasan dan kilang terhadap kriteria MSPO, bagi meningkatkan pemantauan dan penambahbaikan berterusan.

PEMANTAPAN PEMANTAUAN PERUNDANGAN (KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR)

Bagi menjamin pematuhan kepada keperluan undang-undang berkaitan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan alam sekitar, tindakan berikut dirancang:

- **Pengukuhan Institusi KKP & AS:** Struktur pengurusan KKP & AS akan diperkukuh di semua peringkat operasi, termasuk penambahbaikan prosedur dan peranan jawatankuasa dalaman.
- **Pembangunan Kepakaran:** Latihan dan pensijilan kakitangan akan dilaksanakan bagi memastikan kecekapan dalam pengurusan risiko dan pematuhan peraturan.

- **Pelaporan & Tindakan Proaktif:** Pemantauan secara sistematik serta pelaporan berkala akan dilaksanakan untuk memastikan pelaksanaan aspek KKP & AS berjalan lancar dan berkesan.

KEPERLUAN EUDR & POLISI NDPE

- **FELCRA turut mengambil langkah proaktif dalam memenuhi tuntutan perundangan antarabangsa, khususnya berkaitan amalan bebas penebangan hutan dan rantaian bekalan bertanggungjawab, melalui langkah berikut:**
- **Pelaksanaan Program TTP (Traceability to Plantation):** Dilaksanakan di kilang sawit FELCRA untuk menyokong pemahaman dan pematuhan terhadap elemen polisi NDPE (No Deforestation, No Peat, No Exploitation).
- **Penyediaan Maklumat Polygon Ladang:** Maklumat geo-spatial (polygon shapefile) disediakan bagi ladang-ladang yang dibuka selepas Disember 2019 (bagi keperluan MSPO) dan Disember 2020 (bagi pematuhan EUDR).
- **Pengenalpastian Sumber Buah Luar:** Geo-lokasi sumber buah luar dikenal pasti untuk memastikan integriti dan ketelusan rantaian bekalan, sejajar dengan kehendak EUDR.

PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL DI FELCRA BERHAD

Buangan terjadual adalah apa-apa buangan yang termasuk di dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Semua buangan terjadual hendaklah dikendalikan

dengan betul dan selamat termasuk kaedah penstoran dan melaksanakan pelupusan sisa tersebut. Ia juga akan dipantau oleh Orang Yang Berwibawa (OYB) di dalam bidang pengurusan buangan terjadual iaitu Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CePSWAM).

Oleh itu, semua sisa buangan terjadual yang dihasilkan di ladang-ladang milik FELCRA Berhad telah dikenalpastikan dan diuruskan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Antara jenis-jenis sisa buangan terjadual yang dihasilkan di FELCRA Berhad ialah:

No	Nama Buangan	Jenis Kod	Punca Penghasilan
1	Minyak Pelincir Terpakai	SW 305	Bengkel Kenderaan
2	Beg Baja Terpakai	SW 409	Operasi Ladang
3	Turas Minyak (Oil Filter)	SW 410	Bengkel Kenderaan

Selain itu, pihak FELCRA Berhad juga menyediakan Prosedur dan Standard Operating Procedure (SOP) yang berkaitan dengan pengurusan buangan terjadual untuk diguna pakai di semua pusat operasi FELCRA Berhad. Prosedur dan SOP ini dibuat selaras dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Senarai prosedur dan SOP adalah sepertimana berikut:

No	No Dokumen	Nama Dokumen
1	SS-00243(AS)-P07	Prosedur Pengurusan Sisa Buangan Terjadual
2	SS-00243(AS)-SOP4	SOP Mengenalpasti Dan Pemberitahuan (Notifikasi) Sisa Buangan Terjadual
3	SS-00243(AS)-SOP5	SOP Pengendalian Dan Penstoran Sisa Buangan Terjadual
4	SS-00243(AS)-SOP6	SOP Pelabelan Sisa Buangan Terjadual
5	SS-00243(AS)-SOP7	SOP Inventori Sisa Buangan Terjadual
6	SS-00243(AS)-SOP8	SOP Pelupusan Sisa Buangan Terjadual

Menerusi penyediaan prosedur dan SOP ini, FELCRA Berhad komited dalam pelaksanaan pengurusan buangan terjadual di semua pusat operasi dengan mengeluarkan arahan pematuhan. Antara arahan-arahan yang pernah dikeluarkan oleh pihak FELCRA Berhad adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh Arahan	Nama Arahan
1	30 November 2018	Arahan Kelestarian Dan Piawaian Bil. 3/2018 – Pengurusan Pelupusan Bekas Tong Racun Makhluk Perosak Sebagai Bahan Buangan Tidak Terjadual
2	15 Mac 2019	Arahan Kelestarian dan Piawaian Bil. 5/2019 – Pengurusan Beg Baja Terpakai di Ladang/Estet FELCRA Berhad
3	30 Disember 2020	Arahan Kelestarian Bil. 28/2020 – Pematuhan Terhadap Prosedur dan Standard Operating Procedure (SOP) Alam Sekitar FELCRA Berhad
4	31 Januari 2020	Arahan Kumpulan Kelestarian Bil. 2/2020 – Arahan Pematuhan Terhadap Pendaftaran Sistem e-SWIS dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Bagi Semua Kawasan FELCRA Berhad
5	31 Januari 2020	Arahan Kumpulan Kelestarian Bil. 1/2020 – Pematuhan Terhadap Prosedur Pengurusan Sisa Buangan Terjadual Di Ladang-Ladang FELCRA Berhad
6	30 September 2021	Arahan Kelestarian Bil. 14/2021 – Pengurusan Pelupusan Beg Baja Terpakai Sebagai Sisa Buangan Terjadual


Pengurusan buangan terjadual adalah amat penting kerana jika sisa buangan tersebut tidak diurus dengan baik boleh berpotensi memberi kesan negatif kepada orang awam dan alam sekitar. Justeru itu, sisa buangan terjadual hendaklah disimpan dan dilupuskan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Ini kerana kegagalan untuk mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 boleh dikenakan tindakan perundangan dan seterusnya boleh menjejaskan reputasi sesebuah

syarikat. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak memastikan pengurusan buangan terjadual diuruskan dengan selamat bagi kelestarian alam sekitar terpelihara.

FELCRA Berhad terus komited terhadap pelaksanaan agenda kelestarian yang berdaya tahan dan berimpak tinggi. Laporan ini membuktikan kemampuan organisasi dalam mendukung tuntutan perundangan dan kehendak pasaran global selaras dengan prinsip ESG.

PENCAPAIAN BAHAGIAN 2024

Infografik Pencapaian Kelestarian 2024



Jenis Pensijilan	Jumlah Sijil	Peratus Siap
Ladang	36	100%
Kilang	6	100%

Bil Sijil Mengikut Zon

Zon MSPO	Bil Sijil MSPO
Zon A	10
Zon B	22
Zon C	9
Zon D	6
Kilang	6

Penilaian ESG-Skor SPOTT (*Sustainability Palm Oil Toolkit Transparency*)

Tahun	Ranking	Skor (%)
2023	83	7.8%
2024	77	12.9%

*Peningkatan skor sebanyak +5.1%

Berdasarkan penilaian SPOTT (*Sustainability Policy Transparency Toolkit*) bagi tempoh 2019 hingga 2024, FELCRA Berhad menunjukkan prestasi yang konsisten dengan peningkatan yang lebih ketara pada tahun terkini.

Dari segi kedudukan global, FELCRA berjaya memperbaiki ranking daripada 83 pada tahun 2023 kepada 77 pada tahun 2024, sekaligus memperlihatkan kemajuan dalam aspek ketelusan dasar kelestarian berbanding 100 syarikat Sawit yang dinilai.

Penarafan SPOTT adalah pengiktirafan antarabangsa kepada FELCRA kerana ia bukan sahaja meningkatkan kredibiliti dan reputasi organisasi di peringkat antarabangsa, malah menjadi penanda aras penting dalam menilai tahap ketelusan dasar kelestarian berbanding syarikat lain dalam industri sawit global.

Pencapaian dalam penarafan ini turut menyokong menjadi pemacu kepada penambahbaikan berterusan, untuk FELCRA memperkukuh dasar, amalan pengurusan, serta laporan kelestarian agar lebih sejajar dengan piawaian antarabangsa.


Secara keseluruhannya, peningkatan skor SPOTT pada tahun 2024 membuktikan kesungguhan FELCRA dalam memperkukuh komitmen kelestarian dan meletakkan organisasi pada landasan yang lebih kukuh untuk menghadapi cabaran industri di masa hadapan.

AKTIVITI BAHAGIAN 2024

Pada tahun 2024, sebanyak 64% daripada latihan kelestarian yang dilaksanakan adalah Latihan Kompetensi, manakala 36% lagi terdiri daripada Latihan Non Kompetensi. Ini menunjukkan bahawa tumpuan utama Bahagian adalah kepada pembangunan kompetensi Pegawai dan Staf dalam aspek kelestarian, selari dengan usaha memperkukuh kemahiran teknikal dan profesionalisme dalam melaksanakan amalan lestari. Walaupun Latihan Non Kompetensi turut diberi perhatian, ia masih merupakan suatu Latihan yang penting kerana melibatkan Latihan wajib untuk memenuhi keperluan perundangan dan mematuhi keperluan pensijilan.

Latihan Kompetensi Dan Non Kompetensi Kelestarian 2024

- Latihan Kompetensi
- Latihan Non Kompetensi



1. Kompetensi Lead Auditor MSPO 2.0 (Kompetensi)

Program “Latihan Endorsed Training Provider MS2530 : 2022 Lead Auditor Training Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) diadakan pada 20-24hb Mei 2024 bertempat di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam

Program latihan “lead auditor” ini diperlukan sebagai persediaan pelaksanaan MSPO 2.0 yang akan dilaksanakan pada tahun 2025. Standard MS 2530:2022 diberi tempoh peralihan bermula 1 Ogos 2023 sehingga 31 Disember 2024 dimana kursus ini membolehkan peserta mempelajari keperluan di dalam Standard MS2530:2022 yang akan dilaksanakan dalam MSPO 2.0 untuk syarikat khususnya. Dalam tempoh tersebut, ladang-ladang sawit perlu membuat perancangan atau latihan yang berkaitan.

Pegawai yang terlibat :

- 1) Pn. Rohana bt Jamil
- 2) Pn. Wan Shariena bt Zakaria
- 3) En. Mohd Saifuddin bin Nuwawi



Pegawai yang menjalani program latihan ‘lead auditor’ serta peserta yang lain sedang bersedia untuk mengambil peperiksaan bagi mendapatkan sijil.



En. Saifuddin dan pegawai yang lain sedang menjalani ujian bagi mendapatkan sijil lead auditor.

2. Kompetensi Internal Auditor MSPO 2.0

Program “MSPO - Internal Audit Training Program” diadakan pada 23-24hb Mei 2024 bertempat di Ibu Pejabat ISP di Petaling Jaya.

Program latihan MSPO - Internal Audit Training ini melayakkan staf-staf ini untuk mengendalikan audit dalaman diperingkat operasi. Program latihan audit dalaman ini diperlukan sebagai persediaan pelaksanaan MSPO 2.0 yang akan dilaksanakan pada tahun 2025. Standard MS 2530:2022 diberi tempoh peralihan bermula 1 Ogos 2023 sehingga 31 Disember 2024 dimana kursus ini membolehkan peserta mempelajari keperluan di dalam Standard MS2530:2022 yang akan dilaksanakan dalam MSPO 2.0 untuk syarikat khususnya.

Pegawai yang terlibat :

- 1) En. Mohamad Zulfadhli bin Ismaill
- 2) En. Mohammad Asyraaf Wajdi bin Mohd Zuruli



En. Zulfadhli dan En. Asyraf sedang mendengar taklimat kursus.



En. Zulfadhli dan En. Asyraf bersedia untuk ujian penilaian kursus.

3. Kompetensi Cawangan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran

Keperluan terhadap individu yang berkompeten merupakan elemen penting dalam memastikan pematuhan terhadap peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Tahap kompetensi yang diperlukan adalah berbeza mengikut bidang kepakaran masing-masing dan ditentukan berdasarkan keperluan operasi serta kehendak perundangan. Program kompetensi ini dirancang untuk memastikan pegawai-pegawai menjadi individu yang berkompeten dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Individu yang berkompeten memainkan peranan penting dalam menyokong kelangsungan dan keberkesanan operasi syarikat, khususnya dari aspek pematuhan perundangan. Mereka merujuk kepada golongan yang memiliki pengetahuan, kemahiran, dan sikap profesional yang selaras dengan keperluan tugas yang diamanahkan. Kompetensi ini amat penting dalam memastikan tahap produktiviti yang optimum, kualiti hasil kerja yang tinggi, serta menyumbang kepada kemajuan dan daya saing syarikat secara menyeluruh.

Berikut Senarai Pegawai dan Kompetensi Mengikut Bidang Kepakaran :

1. En. Muhammad Zulhilmi bin Zainal Abidin (Chemical Health Risk Assessor)
2. Pn. Norhidayah bt Ahmad (Initial & Advanced Ergonomic Risk Assessment)
3. Cik Ili Sahira bt Mohd Izani (Advanced Ergonomic Risk Assessment)
4. Cik Ilyana bt Che Hassan (CePSWaM, CISEC)
5. Pn. Aisyah bt Azmi (CePSWaM, CISEC)
6. En. Muhammad Ammar Haziq bin Onn (CISEC)



Keperluan pegawai alam sekitar yang berkemampuan CISEC digunakan bagi kerja penyeliaan pematuan alam sekitar dan pemantauan semasa projek pembangunan bagi kelulusan projek Environmental Impact Assessment (EIA).



Pengurus alam sekitar telah mengajar staf di lapangan bagi menggunakan alat turbidity meter bagi memantau takat akhir kolam mendapan. Kolam mendapan merupakan langkah kawalan akhir di dalam hakisan dan mendapan sebelum air daripada ladang di lepaskan di sungai yang berdekatan. Tahap kekeruhan yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah kurang daripada 250 NTU.

4. Non Kompetensi Cawangan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Latihan & Kursus Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar.

1. Kursus Pertolongan Cemas
2. Kursus OSH-Coordinator
3. Latihan ERT & Pengungsian Bangunan
4. Latihan Ergonomik & Manual Handling
5. Latihan Pengurusan Keselamatan Bahan Kimia
6. Kursus KKP bagi Projek Keterjaminan Makanan
7. Latihan MSPO 2.0 (49 kawasan MSPO)



Latihan Asas Pertolongan Cemas yang telah diadakan di Wisma FELCRA pada 28 Mei 2024



Latihan ergonomik dan pengendalian manual yang diadakan di Kilang FELCRA Processing & Engineering Sdn Bhd Bidor pada 2 Disember 2024



Latihan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-Coordinator) bagi penyelaras KKP di Negeri Terengganu dan Kelantan yang dijalankan di Pejabat FELCRA Berhad Negeri Terengganu pada 22-24 April 2024




Latihan Pengurusan Keselamatan Bahan Kimia di Ibu Pejabat FELCRA Berhad yang telah dijalankan pada 15 Februari 2024

5. Kempen Kesedaran dan Bengkel Latihan

1. Latihan Kesedaran MSPO 2.0
 - 49 kawasan terlibat
 - 6 Kilang Minyak Sawit Mentah FELCRA
2. Bengkel Latihan Kelestarian
 - ERDD (Ethical Recruitment Due Diligence)
 - OGM (Operational Grievance Mechanism)
 - TTP di kilang sawit FELCRA
 - Dealer Engagement di Kilang Maran
3. Kempen Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar 2024 (KKP)
 - Tema : Pemerkasaan dan Kemandirian Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar
 - Ceramah JKKP & JAS
 - Booth & Program Hijau (Adopt a Plant)
 - Pertandingan Video Taklimat Keselamatan
 - Kempen Kitar Semula & Minyak Terpakai
 - Program KKP FPESB
 - Slot HIRARC & OSH-Explorace (Bukit Merah Laketown, 18-19 Dis)



Kempen Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Tahun 2024 telah diadakan di Wisma FELCRA dan dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad pada 25 September 2024 di mana beberapa aktiviti telah dirancang seperti ceramah oleh agensi Kerajaan, game booth dan program kitar semula.



Peserta kursus sedang membentangkan mengenai perekrutan beretika .